



Manfaat program sarapan percuma

Inisiatif pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memperkenalkan Program Sarapan Percuma (PSP) buat semua murid sekolah rendah di seluruh negara bermula sesi persekolahan 2020 wajar disambut baik oleh semua pihak. Ringkasnya tiada sebab untuk kita berpandangan negatif mahupun mempolitikkan isu seperti ini kerana ia membabitkan aspek kebajikan anak-anak kita tanpa mengira status dan latar belakang sosioekonomi keluarga.

Menurut pihak KPM, inisiatif ini diperkenalkan bagi memastikan murid terus kekal sihat dan cergas di samping dapat membantu mereka memberi tumpuan sebaik mungkin dalam sesi pembelajaran setiap hari. Dalam konteks ini, kementerian dilihat menitikberatkan aspek jadual pemakanan yang tepat dan amalan pemakanan seimbang bagi melahirkan generasi masa depan yang sihat, cerdik dan seimbang.

Secara ringkasnya program ini bertujuan memberikan makanan berkhasiat yang mengikut nilai kalori dan amalan pemakanan seimbang bagi memastikan murid mengamalkan pengambilan sarapan, gaya hidup sihat serta merangsang proses tumbesaran mereka. Kumpulan sasaran program ini semua murid warganegara sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan dengan anggaran seramai 2.7 juta murid bakal menerima manfaat. Program ini juga dikatakan akan terus menggunakan kaedah pengurusan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) sedia ada dan sarapan ini nanti akan disediakan oleh pengendali kantin di setiap sekolah yang terbabit. Inisiatif yang disediakan untuk setiap hari ini bakal dilaksanakan selama 30 minit di antara jam 7 pagi hingga 8.30 pagi bagi sekolah sesi pagi dan di antara jam 12 tengah hari hingga 4 petang bagi sekolah sesi petang.

Ironinya, antara perkara yang menarik dalam program ini makanan percuma diberikan kepada semua murid berbanding program RMT yang dikhususkan kepada murid dari luar bandar dan golongan berpendapatan rendah atau miskin tegar yang disaring dan dipilih oleh pihak sekolah berdasarkan latar belakang mereka. Ini sudah semestinya akan memberi khabar bembira kepada ibu bapa terutama golongan berpendapatan sederhana dan miskin bandar yang selama ini mungkin tidak mendapat RMT dan amat terkesan dengan peningkatan kos sara hidup. Bayangkan berapa banyak yang dapat dijimatkan oleh ibu bapa ini jika mempunyai tiga atau

empat orang anak yang bersekolah.

Satu lagi aspek yang baik ialah program ini juga diolah supaya dapat melatih seterusnya mencetuskan kesedaran sivik dan disiplin dalam kalangan pelajar sejak dari sekolah rendah lagi. Antara kaedah yang dikenal pasti untuk melatih kesedaran sivik itu ialah murid akan diajar mengenai perkara asas seperti budaya membasuh tangan sebelum makan serta melatih diri anak-anak supaya lebih bertanggungjawab melalui aktiviti mengemas selepas makan. Malah, aktiviti makan secara beramai-ramai bersama guru juga diyakini mampu mewujudkan suasana lebih ceria dan harmoni terutama dari segi perhubungan antara guru dan murid. Justeru, diharap semua pihak akan menyokong penuh inisiatif baik ini agar anak-anak kita akan menerima manfaat sewajarnya.

Bagi memastikan program ini mencapai matlamat yang ditetapkan, diharap pihak kementerian akan memberi perhatian serius terhadap beberapa isu penting yang kini

diperdebatkan. Antara isu utama ialah aspek kualiti makanan yang bakal disediakan pengendali kantin. Melalui pelaksanaan program ini pengendali kantin pasti akan menarik nafas lega kerana mereka umpama sudah terjamin dari segi jualan makanan kerana hidangan akan disediakan kepada semua murid pada setiap hari berbanding jualan secara terbuka sekarang. Oleh kerana

keuntungan mereka sudah terjamin, maka kita khawatir pengendali akan leka dan lalai atau tidak memberi penekanan sewajarnya terhadap kualiti makanan yang disediakan. Justeru, perlu ada mekanisme pemantauan yang jelas terutama dari segi panduan penyediaan menu yang berkualiti dan sihat termasuk dari aspek nutrisi serta sukatan saiz dan kuantiti hidangan menu atau lauk. Kita tidak mahu pengendali kantin mengambil kesempatan dan meraih keuntungan tanpa menyediakan makanan seperti ditetapkan kerana ini akan memberi kesan langsung kepada kesihatan anak-anak.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian semua terutama guru ialah, apakah program ini bakal

menambah lagi beban tugas guru? Kita sedia maklum program RMT selama ini juga menuntut komitmen guru untuk menguruskan agihan kepada murid yang terbabit pada waktu yang ditetapkan pada sesi pagi dan petang. Jadi bila mana mulai tahun hadapan semua murid akan disediakan makanan percuma, bilangan murid yang terbabit akan bertambah secara mendadak dan ini memerlukan pengurusan kawalan yang bersistematik, maka timbul persoalan apa pula harapan dan tanggungjawab yang diharapkan daripada pihak guru. Dalam konteks ini diharap pihak kementerian dapat meneliti dan menilai segala kelemahan program RMT yang dilaksanakan selama ini supaya kita dapat perbaiki kelemahan terbabit dalam program PSP termasuk dari segi beban tugas guru. Bagi penulis secara mudahnya urusan agihan dan pengendalian makanan wajar diletakkan di bawah tanggungjawab pengendali kantin, manakala pihak sekolah dengan kerjasama PIBG hanya perlu fokus kepada aspek pemantauan kualiti makanan yang disediakan melalui jadual tugas pemantauan secara bergilir dalam kalangan guru dan ahli jawatankuasa PIBG yang ada.

Pada masa sama, isu pembaziran juga wajar diberi

perhatian serius di mana kita khawatir masalah seperti bilangan pelajar yang tidak hadir serta mungkin masih ada yang lebih berminat membawa bekalan dari rumah akan menyumbang kepada pembaziran dalam skala yang besar kerana ia membabitkan sekolah di seluruh negara. Walaupun ketidakhadiran murid ke sekolah tidak dapat dikawal atau dijangka namun pihak sekolah dan pengendali kantin perlu bijak membaca trend dan membuat perancangan lebih strategik. Manakala, bagi kes ibu bapa yang masih mahu menyediakan bekalan kepada anak masing-masing, pihak sekolah boleh membantu dengan mendapatkan kepastian daripada ibu bapa supaya kita ada statistik bilangan murid yang perlu disediakan makanan pada setiap hari. Langkah ini sedikit sebanyak akan membantu mengurangkan pembaziran, bagaimanapun tetap perlu ada juga mekanisme yang jelas apa patut dibuat dengan makanan yang berlebihan, misalnya apakah boleh digunakan kaedah seperti program *food bank* yang dilaksanakan sekarang.

Penulis Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

FAKTA
Program Sarapan Percuma untuk semua murid sekolah rendah di seluruh negara bermula sesi persekolahan 2020

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

